



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI KHAMIS, 04 SYAABAN 1442 / 18 MAC 2021
(HARI KEEMPAT)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. JABATAN PERDANA MENTERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk-tajuk selebihnya dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A.
- 2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua):
- i. Yang Berhormat Awang Naim bin Kamis
 - Bertanya sekiranya ada perancangan Radio Televisyen (RTB) untuk memasukkan saluran televisyen ke dalam saluran Astro sebagai satu kaedah untuk mengatasi masalah bagi mereka yang tidak menerima saluran RTB terutamanya di kawasan pedalaman.
 - Mencadangkan bagi skim berpencen untuk dikaji semula untuk diberikan kepada penjawat perkhidmatan awam yang layak dan memenuhi syarat-syarat dan kelayakan.
 - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari

- Mencadangkan bagi Jabatan Penerangan untuk memberigakan usaha-usaha untuk mengukuhkan Maqasid Syariah sebagai mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Menyentuh mengenai *Sucession Planning* Awam bagi pihak kerajaan, Government Linked-Companies (GLC) dan sektor swasta untuk dibuat secara terperinci, iaitu persediaan awal dalam *knowledge transfer, experience transfer* dan *technology transfer* bagi memastikan tidak timbul isu-isu berkaitan memangku jawatan dan perlu bagi menggantikan penjawat dikalangan warga asing di sektor swasta terutamanya di syarikat GLC.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit

- Mencadangkan bagi pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) untuk meneruskan program *bedudun* seperti yang pernah diadakan memandangkan masih terdapat penduduk yang masih tidak mengetahui keperluan peralatan *receiver* dan tidak dapat menonton saluran TV Brunei dengan jelas.
- Mengajukan pertanyaan sekiranya pembelian peralatan tersebut boleh diperuntukkan subsidi bagi mereka yang kurang berkemampuan.
- Menyentuh sekiranya Jabatan Penerangan mempunyai perancangan bagi melaksanakan pendekatan awam bagi menyalurkan maklumat menerusi telefon bimbit sebagai misal untuk melaksanakan pertandingan mengambil gambar-gambar bersejarah, menerusi sukan-sukan serta penulisan kreatif, rencana dan syarahan bagi memupuk kesedaran sivik dan moral di kalangan remaja.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Sabtu

- Menyoalkan dan ingin mengetahui pemahaman pegawai dan kakitangan terhadap integriti dan etika perkhidmatan awam, dan sekiranya sudah dibuat penilaian mengenainya dan hasil dapatan penilaian tersebut.
- Menyarankan bagi setiap pegawai dan kakitangan untuk mengikuti program-program peningkatan produktiviti disamping menambah nilai kepada program yang sedia ada seperti mengadakan

bengkel, kursus dan jerayawara bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai etika kerja.

- Menyentuh mengenai penurunan produktiviti di tempat kerja disebabkan oleh gangguan seksual, dan mencadangkan beberapa perkara untuk menangani masalah tersebut:
 - Pemasangan CCTV di tempat kerja;
 - Ruang bilik pejabat dan pintu yang bersesuaian;
 - Penggunaan media massa dan media cetak yang bersesuaian;
 - Mengadakan jerayawara dan taklimat kesedaran;
 - Menilai akta undang-undang mengenainya disamping berpegang teguh kepada ajaran Islam.

v. Yang Berhormat Awang Hanapi bin Siput

- Mencadangkan agar jawatan *open vote* untuk dikaji semula bagi mengetahui implikasi sekiranya jawatan tersebut ditiadakan dan ditukar menjadi jawatan tetap.

vi. Yang Berhormat Haji Abdul Wahab bin Apong

- Menyoalkan sejauh mana penerapan aspek kerohanian dan agama ke dalam kursus-kursus pembangunan eksekutif yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Menyoalkan sejauh mana peranan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam memantau permasalahan kekurangan tenaga kerja di sebahagian jabatan Kerajaan.
- Menyoalkan sejauh mana penyelarasan penganugerahan biasiswa luar negara dengan keperluan negara.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung

- Menyoalkan sekiranya kajian telah dibuat oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) untuk mengenalpasti pencapaian RTB setelah peralihan dari sistem analog ke sistem digital termasuk kajian bagi mengetahui jumlah keramaian penonton khususnya

penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam dan kualiti siaran dan rancangan TV.

viii. Yang Berhormat Haji Tahamit bin Haji Nudin

- Cadangan untuk penambahbaikan cetakan risalah supaya menjadi lebih menarik bagi menggalakkan pembacaan terutamanya melalui penggunaan elektronik.
- Menyarankan bagi pengurangan cetakan poster-poster dan seterusnya mencadangkan untuk menyebarkan melalui emel dan media sosial.
- Menyarankan agar program dan aktiviti jabatan-jabatan kerajaan dapat disalurkan atau diikuti secara *live streaming* sama ada melalui Facebook atau Instagram.
- Mencadangkan bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan pengemaskinian e-penyata gaji dan laporan.

2.1.3. Tajuk SA08A hingga tajuk SA14A – Jabatan Perdana Menteri telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.1.4. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk-tajuk selebihnya dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA16A hingga Tajuk SA26A.

2.1.5. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) juga memberi respon kepada persoalan beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat:

i. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii

- Mencadangkan bagi penelitian dan pengurusan kontrak-kontrak kerajaan dibuat oleh Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama pengamal undang-undang swasta bagi membolehkan maklumbalas daripada kementerian-kementerian lebih efisien dan seterusnya membuka peluang dibawah industri perkhidmatan (*service industry*).

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari

- Menyoalkan sekiranya ada kaedah atau *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi menilai keaslian naskah manuskrip oleh Jabatan Mufti Kerajaan.

- Ingin mengetahui jika Jabatan Mufti Kerajaan mempunyai pakar-pakar *conservation* kertas bagi memelihara kertas manuskrip.
 - Ingin memastikan jika Jabatan Mufti Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengeluarkan fatwa berkenaan dengan hasil daripada mana-mana pendapatan yang bersumber daripada pelanggaran peraturan dan undang-undang Negara Brunei Darussalam.
- 2.1.6. Ahli Yang Berhormat mengundi dan telah bersetuju bagi Tajuk SA16A hingga tajuk SA26A – Jabatan Perdana Menteri untuk diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

- 2.2.1. Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dibincangkan dan dimulakan dengan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) mengenai Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.2.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua):
 - i. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi
 - Ingin mengetahui impak pelaksanaan MOU untuk meningkatkan status negara sebagai *Preferred Trade Partner*.
 - Menyoalkan sama ada proses *stock-take* dalam norma baharu akan diteliti.
 - ii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
 - Menyentuh mengenai konflik yang berlaku di beberapa negara ASEAN termasuk di perairan dan sempadan negara, dan bertanya sejauh mana pelaksanaan Resolusi 2050 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
 - Memohon kepastian sama ada para *diplomat* dan perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara adalah dikira sebagai *frontliners* dan layak untuk menerima vaksin.
 - Menyoalkan sama ada pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan mempertimbangkan bagi penutupan

atau memindahkan pejabat-pejabat perwakilan dan konsular yang kurang aktif.

- iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari
 - Menyentuh mengenai harta-harta milik warganegara termasuk hasil ladang di dalam kawasan *undefined area* yang perlu dilindungi dan diambil perhatian.
 - Mencadangkan peningkatan peruntukan Kementerian Luar Negeri bagi meningkatkan aktiviti belia Negara Brunei Darussalam dalam ASEAN yang mendatangkan nilai ekonomi.
 - iv. Yang Berhormat Pengiran Hj Ali bin Pengiran Maon
 - Ingin mengetahui status pengemaskinian laman-laman sesawang pejabat-pejabat perwakilan dan berpendapat bahawa ianya adalah *platform* baik dalam menyalurkan maklumat-maklumat mengenai Negara Brunei Darussalam, lebih-lebih lagi semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi ASEAN.
 - Menyoalkan bagaimana pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dapat memantapkan perkhidmatan *e-register* agar terus dimanfaatkan dan menjadi amalan yang baik bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara.
- 2.2.3. Mesyuarat telah membuat undi bagi Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kesemua Ahli Yang Berhormat telah bersetuju dan tajuk tersebut dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.3. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbulkan tajuk dibawah Kementerian Pertahanan iaitu Tajuk SB01A. Yang Berhormat Menteri Pertahanan II (Kedua) telah menyampaikan pembentangan mengenai Anggaran Perbelanjaan dan halatuju Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.3.2. Tajuk SB01A Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal-ehwal

strategik keselamatan negara dan sensitif, dan tidak bersetujuan untuk dibincangkan secara terbuka.

- 2.3.3. Tajuk SB01A telah diundi dan dipersempurna oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.4. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

- 2.4.1. Jawatankuasa seterusnya telah menimbulkan tajuk dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.
- 2.4.2. Pembentangan Anggaran Perbelanjaan dan halatuju Kementerian Kewangan dan Ekonomi disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua).
- 2.4.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua):
- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari
 - Ingin mengetahui tentang status i-Usahawan dan statistik usahawan-usahawan dan belia-belia yang berjaya mendapatkan tender daripada Brunei Shell Petroleum dan pihak kerajaan.
 - Mencadangkan agar meningkatkan jumlah *grant* khususnya *co-matching grant* bagi MSMEs Brunei untuk dinaikkan jumlahnya kepada \$30,000.
 - ii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman
 - Memohon pencerahan mengenai peningkatan peruntukan dalam perkhidmatan Rampaian berbanding peruntukan tahun sebelumnya.
 - Mencadangkan penggunaan lampin *reusable* atau *washable* ataupun menggalakkan pelaburan bagi MSMEs tempatan untuk menghasilkan produk lampin yang lebih *cost-efficient* dan *Made in Brunei*.
 - iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Seri Paduka Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu
 - Menyentuh tentang isu kenaikan harga barang susulan penularan wabak COVID-19 dan memohon pencerahan akan langkah dan usaha yang dilakukan oleh Jabatan

Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) dalam menangani isu kenaikan harga tersebut.

- iv. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis
 - Menyentuh mengenai kesan positif penularan wabak COVID-19 susulan penutupan sempadan yang menunjukkan peningkatan dalam pembelanjaan dalam negara dan menyoalkan sama ada ianya memberikan keuntungan kepada ekonomi dan pendapatan negara.
 - Menyoalkan sama ada defisit kewangan dapat dijangkakan berakhir menjelang tahun 2035 dengan mengambil kira perkembangan *Foreign Direct Investment* (FDI) yang semakin berkembang di negara ini.
 - v. Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu
 - Menyentuh mengenai pengeluaran lesen perniagaan dan mencadangkan bagi para pemohon pendaftaran perniagaan untuk mematuhi peraturan dan etika perniagaan dalam Islam (Muamalat) serta untuk mengikuti kursus-kursus asas Muamalat sebagai membudayakan prinsip perniagaan Islam.
 - vi. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit
 - Mengajukan soalan mengenai tempoh ketahanan penyimpanan stok beras di Stor Negara.
 - Menyoalkan sama ada stok beras negara terjejas dengan penularan wabak COVID-19.
- 2.4.4. Tajuk SD01A sehingga SD09A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 19 MAC 2021 JAM 2.30 PETANG]
